

KEPELBAGAIAN ASPIRASI KEPIMPINAN POLITIK NEGARA DARI PERSPEKTIF BELIA MALAYSIA

Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad & Jamil Ahmad

Belia merupakan kategori pengundi muda yang sedang memilih satu bentuk kepimpinan yang sesuai dengan ideologi, pemikiran dan citra mereka. Belia juga memiliki pilihan tersendiri dalam aktiviti sosial, politik dan keagamaan (Awang, Yousuf & Ghani, 2011).

Akhir-akhir ini, belia Malaysia menzahirkan sokongan secara terbuka menerusi gerakan secara maya dan juga fizikal. Dari satu segi, penglibatan aktif belia dalam aktiviti sosio-politik amat positif kerana ia menunjukkan keprihatinan mereka terhadap masa depan negara (Barber & Naulty, 2005; Barber, 2007). Namun, jika tidak melalui saluran demokrasi, protes itu boleh mengundang bencana dan masalah (Harris, 2008). Sejauhmana gerakan belia dalam aktiviti sosio-politik mempengaruhi cara pemikiran dan konsepsi kepimpinan negara yang unggul masih tidak dapat dikenalpasti. Jurang ini memerlukan satu kajian di peringkat dasar agar ia dapat difahami.

Walaupun kajian empirikal menunjukkan bahawa keterlibatan kumpulan belia dalam proses perancangan dan pembangunan negara menyumbang kepada keharmonian dan perasaan puas hati terhadap kepimpinan negara (Barber & Naulty, 2005), tetapi sejauhmana kumpulan belia di Malaysia terlibat dalam proses perancangan dan pengurusan pembangunan negara masih tidak jelas. Apatah lagi dengan berlatarbelakangkan kepelbagaian etnik, lokasi kediaman, latar belakang sosio-ekonomi dan sosio-budaya dalam kalangan belia bandar di Malaysia telah menjadikan aspirasi kepimpinan sebagai suatu yang rencam (Junaidi, 2009). Bagaimanakah kerencaman sosial ini telah dan dapat diuruskan dengan baik adalah satu persoalan yang memerlukan perhatian lanjut (Mansor, 2012).

Aspirasi Belia terhadap Kepimpinan Politik


Siri Keputusan Pilihan Raya Umum Malaysia dalam dekad kebelakangan ini telah menunjukkan ketidaktentuan sokongan belia dalam pemilihan pucuk pimpinan negara (Mujibu, Zaliha & Badrul Azmier, 2010). Pengundi belia dilihat memiliki persepsi tersendiri terhadap kepimpinan negara (Junaidi et al., 2014). Ini dapat dilihat dalam pelbagai gerakan belia menerusi media cetak, media baru serta luahan terbuka menerusi demonstrasi terbuka. Belia pelbagai kaum, berlainan sosio-ekonomi dan budaya juga dilihat mempunyai persepsi yang tersendiri terhadap model kepimpinan negara yang diinginkan (Mohd Fuad, Junaidi, Novel & Viknesh, 2012). Namun, konsepsi tentang kepimpinan negara aspirasi belia Malaysia hanya bersandarkan hujah politik dan perdebatan awam yang berakhir dengan ketidaktentuan konsep kepimpinan negara aspirasi belia Malaysia. Sehingga kini, terdapat limitasi terhadap model pemikiran belia Malaysia dan aspirasi mereka dalam kepimpinan politik negara yang boleh dijadikan asas rujukan yang kukuh. Kajian ini relevan dengan dasar-dasar kerajaan berkaitan dengan Keselamatan Negara, terutama Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) dan juga gagasan 1Malaysia. Model kepimpinan negara dan alat ukur pemilihan pemimpin oleh belia Malaysia membolehkan kerajaan mengenalpasti kecenderungan belia dalam pemilihan belia berlainan etnik dan latarbelakang sosial dan ekonomi. Ia juga boleh digunakan sebagai asas dan panduan kepada

perancangan dasar-dasar oleh pelbagai kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan belia di Malaysia.

KERANGKA KAJIAN

Kerangka kajian ini dibina berdasarkan Dimensi Kredibiliti Pemimpin (Kouzes & Posner 1999), Tingkah laku Kepimpinan Awam (Tummers & Knies, 2014); Idealisme Perjuangan (Arendt, 1951; Ramet, 1994), Model Kepimpinan Politik (Magstadt 2010); dan Aspirasi Politik Komuniti (Sarjit S. Gill et al., 2012).

Rajah 1: Kerangka Kajian Aspirasi Belia terhadap Kepimpinan Politik Negara



OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan aspirasi kepimpinan politik negara dari aspek karekter pemimpin yang memiliki kredibiliti tinggi, idealisme perjuangan, gaya kepimpinan politik, keprihatian dan faktor sepunya dalam aspirasi kepimpinan politik berdasarkan jantina, lokasi, etnik dan latar belakang pendidikan.

METODOLOGI

Kajian tinjauan ini menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi empat konstruk, 15 sub-konstruk dan 118 item. Pembinaan instrumen ini adalah berasaskan teori, model, kajian literatur serta adaptasi daripada soal selidik lepas. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi daripada pelbagai bahan rujukan dan kajian lampau (Kouzes & Posner 1999; Tummers & Knies, 2014; Arendt, 1951; Ramet, 1994; Magstadt 2010; Sarjit S. Gill et al., 2012). Kajian ini menggunakan skala Likert 7 mata bagi memastikan responden mempunyai pilihan yang lebih tepat mengikut keadaan diri masing-masing. Skala Likert 7 mata (Vagias, 2006) terbahagi kepada dua bentuk iaitu bagi melihat tahap persetujuan (konstruk dorongan persekitaran dan pengetahuan patriotisme), dan juga kekerapan tingkah laku (konstruk penglibatan sosial, amalan patriotisme dan toleransi). Menurut Colman, Norris dan Preston (1997), penggunaan skala Likert 7 mata dapat menggambarkan range of response yang lebih berterusan.

Jadual 1: Skala Likert 7 Mata bagi Mengkaji Aspirasi Kepimpinan Politik

Skala	Tafsiran
1	Sangat Tidak Utama
2	Tidak Utama
3	Agak Tidak diutamakan
4	Kurang Pasti (<i>Neither agree or disagree</i>)
5	Agak diutamakan
6	Diutamakan
7	Sangat diutamakan

Sumber: Vagias (2006)

Populasi kajian adalah belia di Malaysia. Sampel kajian ini adalah melibatkan 1200 responden pelbagai latar belakang sosio-demografi yang dipilih bertepatan dengan jadual persampelan Krejcie & Morgan (1970) secara stratifikasi daripada lima zon. Data dianalisis dengan menggunakan SPSS 22.0 dengan memberi fokus kepada Ujian-t dan ANOVA satu hala.

DEMOGRAFI

Seramai 1200 orang belia terlibat dalam kajian ini. Majoriti daripada responden dalam kajian ini memiliki kelulusan STPM/Matrikulasi (29.4%), diikuti dengan UPSR/PMR/SPM (26.9%) serta Ijazah Sarjana muda (22.4%).

Jadual 2: Profil Demografi berdasarkan Negeri, Lokasi dan Etnik

Lokasi		Melayu		Cina		India		Bumiputera Sarawak		Bumiputera Sabah		Jumlah	
		n	%	n	%	n	%	n	%	n	%	n	%
Pahang	Bandar	18	66.6%	44	52.3%	40	0	0	0	0	0	102	51%
	Luar Bandar	58	33.4%	40	47.7%	0	100%	0	0	0	0	98	49%
	Jumlah	76	100%	84	100%	40	100%	0	0	0	0	200	100%
Pulau Pinang	Bandar	56	56.0%	37	46.8%	7	33.3%	0	0	0	0	100	50%
	Luar Bandar	44	44.0%	42	53.2%	14	66.7%	0	0	0	0	100	50%
	Jumlah	100	100%	79	100%	21	100%	0	0	0	0	200	100%
Johor	Bandar	71	93.4%	32	50.0%	38	63.3%	0	0	0	0	141	71%
	Luar Bandar	5	6.6%	32	50.0%	22	36.7%	0	0	0	0	59	30%
	Jumlah	76	100%	64	100%	60	100%	0	0	0	0	200	100%
Selangor	Bandar	4	4.9%	28	38.9%	46	100%	0	0	0	0	78	39.0%
	Luar Bandar	78	95.1%	44	61.1%	0	0	0	0	0	0	122	61%
	Jumlah	82	100%	72	100%	46	100%	0	0	0	0	200	100%
Sarawak	Bandar	0	0	0	0	0	0	90	45.0%	0	0	90	45%
	Luar Bandar	0	0	0	0	0	0	110	55.0%	0	0	110	55%
	Jumlah	0	0	0	0	0	0	200	100%	0	0	200	100%
Sabah	Bandar	0	0	0	0	0	0	70	35.0%	0	0	70	130
	Luar Bandar	0	0	0	0	0	0	0	0	130	65.0%	130	65.0%
	Jumlah	0	0	0	0	0	0	0	0	200	100%	200	100%
Jumlah		334	27.8%	299	24.9%	167	13.9%	200	16.7%	200	16.7%	1200	100%

Aspirasi Belia terhadap Kepimpinan Politik Negara Berdasarkan Jantina

Analisis menggunakan ujian-t dilaksanakan bagi mengenal pasti perbezaan aspirasi terhadap kredibiliti pemimpin, idealisme perjuangan, gaya kepimpinan politik dan faktor pemilihan pemimpin politik. Hasil analisis ujian-t menunjukkan bahawa wujud perbezaan aspirasi yang signifikan antara jantina bagi aspek integriti (rendah hati), Berpandangan Jauh, Inspirasi dan Kompeten (kecuali bagi sub-konstruk sosioboliti). Nilai min menunjukkan bahawa belia perempuan meletakkan aspirasi yang lebih tinggi berbanding dengan belia lelaki bagi kesemua konstruk yang mencatatkan perbezaan yang signifikan. Dua sub konstruk yang tidak menunjukkan sebarang perbezaan signifikan antara jantina adalah Integriti (Berpendirian) dan Kompeten (sosioboliti).

Jadual 3: Aspirasi Belia berdasarkan Jantina terhadap Kredibiliti Pemimpin

Konstruk	Sub-Konstruk	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t	Sig.
Integriti	Perpendirian	Lelaki	602	5.8043	.93885	-1.175	.240
		Perempuan	598	5.8668	.90457		
	Rendah Hati	Lelaki	602	5.7517	.89509	-2.591	.010
		Perempuan	598	5.8838	.87136		
Berpandangan Jauh	Pemangkin Strategik	Lelaki	602	5.7371	.89690	-3.291	.001
		Perempuan	598	5.9001	.81614		
	Penggerak Minda	Lelaki	602	5.7719	.91596	-3.626	.000
		Perempuan	598	5.9582	.86321		

Inspirasi	Pendorong	Lelaki	602	5.6697	.90101	-4.473	.000
		Perempuan	598	5.8927	.82520		
	Pengaruh	Lelaki	602	5.6412	.96335	-2.125	.034
		Perempuan	598	5.7563	.91199		
Kompeten	Orientasi Tindakan	Lelaki	602	5.7445	.90363	-2.216	.027
		Perempuan	598	5.8582	.87318		
	Sosiobiliti	Lelaki	602	5.8239	.91223	-1.900	.058
		Perempuan	598	5.9344	1.09385		
	Emosi	Lelaki	602	5.7508	.88599	-2.338	.020
		Perempuan	598	5.8672	.83707		
	Rohani	Lelaki	602	5.7831	.93241	-2.767	.006
		Perempuan	598	5.9274	.87444		
Efikasi Kendiri	Lelaki	602	5.7571	1.09135	.083	.934	
	Perempuan	598	5.7522	.96903			

Hasil analisis Ujian-t (Jadual 4) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan aspirasi yang signifikan antara jantina bagi kesemua konstruk dalam idealisme perjuangan. Walaupun belia lelaki dan perempuan didapati lebih cenderung kepada idea perjuangan nasional keutamaan kepada perjuangan ini lebih tinggi dalam kalangan belia perempuan ($\min=6.0064$) berbanding lelaki ($\min=5.8621$).

Jadual 4: Aspirasi Belia berdasarkan Jantina terhadap Idealisme Perjuangan

Konstruk	Jantina	N	Min	Sisihan		Sig.
				Piawai	t	
Idea Nasional	Lelaki	602	5.8621	1.10529	-2.608	.009
	Perempuan	598	6.0064	.78560		
Perspektif Agama	Lelaki	602	5.3917	1.19293	-4.173	.000
	Perempuan	598	5.6575	1.00513		
Kontemporari	Lelaki	602	5.6658	.98376	-3.204	.001
	Perempuan	598	5.8401	.89958		
Perjuangan Etnik	Lelaki	602	5.4460	1.24621	-4.684	.000
	Perempuan	598	5.7533	1.01403		

Hasil analisis Ujian-t (Jadual 5) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan aspirasi yang signifikan antara belia lelaki dan perempuan bagi konstruk di bawah gaya kepimpinan politik. Analisis juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara jantina bagi aspirasi terhadap gaya kepimpinan menyokong (supportive).

Jadual 5: Aspirasi Belia terhadap Gaya Kepimpinan Politik, berdasarkan Jantina

Konstruk	Jantina	N	Min	Sisihan		Sig.
				Piawai	t	
Menyokong (<i>Supportive</i>)	Lelaki	602	5.8080	1.00379	-1.295	.196
	Perempuan	598	5.8789	.89146		
Mengarah (<i>Directive</i>)	Lelaki	602	5.6714	.90207	-4.451	.000
	Perempuan	598	5.8950	.83681		
Penyertaan (<i>Participative</i>)	Lelaki	602	5.7555	.98218	-3.507	.000
	Perempuan	598	5.9452	.88845		
Orientasi Pencapaian (<i>Achievement Oriented</i>)	Lelaki	602	5.6761	.94127	-5.005	.000
	Perempuan	598	5.9338	.83894		

Jadual 6 menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara jantina bagi aspek keprihatinan pemimpin politik. Hal ini bermakna, kedua-dua belia lelaki dan perempuan memiliki tahap aspirasi terhadap keprihatinan pemimpin politik yang hampir sama.

Jadual 6: Kecenderungan Belia terhadap Keprihatinan Pemimpin Politik, dari segi Jantina

Konstruk	Jantina	N	Min	Sisihan		Sig.
				Piawai	t	
Populariti	Lelaki	602	4.6133	1.43786	-.005	.996
	Perempuan	598	4.6137	1.63492		
Kepedulian	Lelaki	602	5.6203	1.20191	-2.972	.003
	Perempuan	598	5.8194	1.11744		
Faktor Sepunya	Lelaki	602	4.0482	1.44223	-.024	.981
	Perempuan	598	4.0502	1.47503		

Aspirasi Belia terhadap Kepimpinan Politik Berdasarkan Lokasi

Ujian-t turut digunakan dalam menganalisis perbezaan aspirasi belia berdasarkan lokasi (bandar dan luar bandar). Jadual 7 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara belia daripada bandar dan luar bandar terhadap karakter pemimpin dari segi Integriti (rendah hati), Berpandangan jauh dan Inspirasi. Data menunjukkan bahawa belia di bandar meletakkan keutamaan yang lebih tinggi kepada persoalan integriti (rendah hati), pemimpin yang berpandangan jauh dan pemimpin yang memberi inspirasi berbanding dengan belia di luar bandar.

Jadual 7: Aspirasi Belia terhadap Kredibiliti Pemimpin, berdasarkan Lokasi

Konstruk	Sub-Konstruk	Jantina	N	Min	Sisihan		Sig.
					Piawai	t	
Integriti	Perpendirian	Bandar	581	5.8531	.95795	.643	.520
		Luar bandar	619	5.8188	.88754		
	Rendah Hati	Bandar	581	5.8775	.91813	2.273	.023
		Luar bandar	619	5.7612	.85052		
Berpandangan Jauh	Pemangkin Strategik	Bandar	581	5.8974	.89625	3.083	.002
		Luar bandar	619	5.7441	.82060		
	Penggerak Minda	Bandar	581	5.9369	.90731	2.712	.007
		Luar bandar	619	5.7970	.87777		
Inspirasi	Pendorong	Bandar	581	5.9024	.88457	4.718	.000
		Luar bandar	619	5.6667	.84272		
	Pengaruh	Bandar	581	5.7689	.97494	2.520	.012
		Luar bandar	619	5.6325	.90073		
Kompeten	Orientasi Tindakan	Bandar	581	5.8413	.93996	1.514	.130
		Luar bandar	619	5.7635	.83949		
	Sosiabiliti	Bandar	581	5.8940	.92314	.501	.616
		Luar bandar	619	5.8649	1.08206		
	Emosi	Bandar	581	5.8338	.91630	.967	.334
		Luar bandar	619	5.7854	.81099		
	Rohani	Bandar	581	5.8916	.92707	1.352	.177
		Luar bandar	619	5.8207	.88612		
Efikasi Kendiri		Bandar	581	5.7098	1.02095	-1.461	.144
		Luar bandar	619	5.7968	1.04091		

Jadual 8 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara belia bandar dan luar bandar terhadap idealisme perjuangan politik berasaskan keagamaan, kontemporari dan perjuangan etnik. Belia bandar didapati meletakkan lebih prioriti kepada idea perjuangan politik berasaskan keagamaan, kontemporari dan perjuangan etnik berbanding belia luar bandar.

Jadual 8: Aspirasi Belia terhadap Idealisme Perjuangan, berdasarkan Lokasi

Konstruk	Lokasi	N	Min	Sisihan		Sig.
				Piawai	t	
Idea Nasional	Bandar	581	5.9885	.85201	1.917	.056
	Luar Bandar	619	5.8829	1.05246		
Perspektif Agama	Bandar	581	5.6361	1.04795	3.409	.001
	Luar Bandar	619	5.4191	1.15787		
Kontemporari	Bandar	581	5.8299	.92393	2.748	.006
	Luar Bandar	619	5.6801	.96209		
Perjuangan Etnik	Bandar	581	5.7375	1.03555	4.077	.000
	Luar Bandar	619	5.4693	1.22807		

Terdapat perbezaan yang signifikan (Jadual 9) antara aspirasi belia bandar dan luar bandar bagi gaya kepimpinan mengarah dan orientasi pencapaian. Belia bandar meletakkan lebih keutamaan kepada gaya kepimpinan mengarah dan orientasi pencapaian berbanding belia luar bandar.

Jadual 9: Aspirasi Belia terhadap Gaya Kepimpinan Politik, berdasarkan Lokasi

Konstruk	Lokasi	N	Min	Sisihan		Sig.
				Piawai	t	
Menyokong (<i>Supportive</i>)	Bandar	581	5.8513	.99761	.280	.779
	Luar Bandar	619	5.8359	.90325		
Mengarah (<i>Directive</i>)	Bandar	581	5.8434	.89028	2.319	.021
	Luar Bandar	619	5.7260	.86111		
Penyertaan (<i>Participative</i>)	Bandar	581	5.8726	.92335	.808	.419
	Luar Bandar	619	5.8288	.95762		
Orientasi Pencapaian (<i>Achievement Oriented</i>)	Bandar	581	5.8630	.89232	2.184	.029
	Luar Bandar	619	5.7496	.90567		

Analisis Ujian-t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap faktor pemilihan pemimpin politik antara belia bandar dan luar bandar. Berbanding dengan belia luar bandar, belia bandar cenderung meletakkan faktor kepedulian dan faktor sepunya sebagai dua aspek yang penting (Jadual 10).

Jadual 10: Kecenderungan dalam Pemilihan Pemimpin Politik, berdasarkan Lokasi

Konstruk	Lokasi	N	Min	Sisihan		Sig.
				Piawai	t	
Populariti	Bandar	581	4.6812	1.54572	1.478	.140
	Luar Bandar	619	4.5499	1.53037		
Kepedulian	Bandar	581	5.8207	1.11960	2.925	.004
	Luar Bandar	619	5.6246	1.19802		
Faktor Sepunya	Bandar	581	4.2036	1.50378	3.564	.000
	Luar Bandar	619	3.9042	1.39958		

Aspirasi Belia terhadap Kepimpinan Politik Berdasarkan Etnik

Analisis Anova Satu Hala digunakan dalam mengenal pasti perbezaan aspirasi belia di Malaysia berdasarkan latar belakang etnik mereka. Hasil analisis Anova Satu Hala menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap aspirasi antara etnik bagi sub-konstruk karakter Berpandangan Jauh (Pemangkin Strategik) dan Kompetensi Pemimpin (sosiobiliti).

Jadual 11: Anova Satu Hala: Aspirasi Belia terhadap Kredibiliti Pemimpin, berdasarkan Etnik

Konstruk	Sub-Konstruk	Groups	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Integriti	Perpendirian	Between Groups	17.529	4	4.382	5.227	.000
		Within Groups	1001.883	1195	.838		
		Total	1019.411	1199			
	Rendah Hati	Between Groups	13.448	4	3.362	4.336	.002
		Within Groups	926.585	1195	.775		
		Total	940.032	1199			
Berpandangan Jauh	Pemangkin Strategik	Between Groups	6.086	4	1.522	2.059	.084
		Within Groups	882.998	1195	.739		
		Total	889.084	1199			
	Penggerak Minda	Between Groups	15.613	4	3.903	4.942	.001
		Within Groups	943.871	1195	.790		
		Total	959.484	1199			
Inspirasi	Pendorong	Between Groups	21.558	4	5.390	7.254	.000
		Within Groups	887.801	1195	.743		
		Total	909.359	1199			
	Pengaruh	Between Groups	24.293	4	6.073	7.019	.000
		Within Groups	1033.967	1195	.865		
		Total	1058.260	1199			
Kompeten	Orientasi Tugas	Between Groups	19.689	4	4.922	6.324	.000
		Within Groups	930.109	1195	.778		
		Total	949.798	1199			
	Sosioabiliti	Between Groups	7.599	4	1.900	1.875	.112
		Within Groups	1210.512	1195	1.013		
		Total	1218.111	1199			

	Emosi	Between Groups	18.465	4	4.616	6.299	.000
		Within Groups	875.671	1195	.733		
		Total	894.135	1199			
	Rohani	Between Groups	15.147	4	3.787	4.665	.001
		Within Groups	970.103	1195	.812		
		Total	985.250	1199			
Efikasi Kendiri	Efikasi Kendiri	Between Groups	21.766	4	5.442	5.183	.000
		Within Groups	1254.647	1195	1.050		
		Total	1276.414	1199			

Data menunjukkan bahawa belia Bumiputera Sabah dan Sarawak meletakkan keutamaan yang tinggi kepada integriti pemimpin. Dari segi karakter pemimpin yang berpandangan jauh pula, belia Melayu dan Bumiputera Sarawak meletakkannya sebagai yang paling utama. Dari segi kompetensi pemimpin politik, skor min oleh belia Melayu dicatatkan pada bahagian orientasi tugas dan rohani. Ini menunjukkan kedua-dua elemen tersebut adalah utama kepada belia Melayu. Manakala, min tertinggi bagi Kompetensi Emosi pula dicatatkan oleh kumpulan belia daripada Bumiputera Sarawak.

Jadual 12: Aspirasi Belia terhadap Kredibiliti Pemimpin berdasarkan Etnik

Konstruk	Sub-Konstruk	Etnik	n	Min	Sisihan Piawai
Integriti	Perpendirian	Melayu	334	5.8179	1.07362
		Cina	299	5.7860	.91046
		India	167	5.6128	1.09585
		Bumiputera Sarawak	200	5.9917	.69912
		Bumiputera Sabah	200	5.9683	.61149
		Jumlah	1200	5.8354	.92207
	Rendah Hati	Melayu	334	5.9082	1.05507
		Cina	299	5.8038	.86201
		India	167	5.6467	1.03306
		Bumiputera Sarawak	200	5.9433	.72801
		Bumiputera Sabah	200	5.7033	.51041
		Jumlah	1200	5.8175	.88545
Berpandangan Jauh	Pemangkin Strategik	Melayu	334	5.8926	.99483
		Cina	299	5.7400	.84383
		India	167	5.7223	1.12252
		Bumiputera Sarawak	200	5.8838	.67861
		Bumiputera Sabah	200	5.8263	.45074
		Jumlah	1200	5.8183	.86112
	Penggerak Minda	Melayu	334	5.9481	1.02259
		Cina	299	5.8540	.89067
		India	167	5.6208	1.16619
		Bumiputera Sarawak	200	5.9867	.65128
		Bumiputera Sabah	200	5.8233	.49668
		Jumlah	1200	5.8647	.89456

Inspirasi	Pendorong	Melayu	334	5.9423	.95188
		Cina	299	5.7391	.91738
		India	167	5.5928	1.07896
		Bumiputera Sarawak	200	5.8800	.61490
		Bumiputera Sabah	200	5.6314	.57934
		Jumlah	1200	5.7808	.87088
	Pengaruh	Melayu	334	5.8907	1.02815
		Cina	299	5.7483	.92731
		India	167	5.5778	1.13339
		Bumiputera Sarawak	200	5.5350	.76021
		Bumiputera Sabah	200	5.5675	.69983
		Jumlah	1200	5.6985	.93948
Kompeten	Orientasi Tugas	Melayu	334	5.9581	.98147
		Cina	299	5.8301	.88251
		India	167	5.6275	1.17625
		Bumiputera Sarawak	200	5.8160	.65444
		Bumiputera Sabah	200	5.6260	.55972
		Jumlah	1200	5.8012	.89003
	Sosioabiliti	Melayu	334	5.9707	.98942
		Cina	299	5.8194	.83193
		India	167	5.8719	1.69723
		Bumiputera Sarawak	200	5.9420	.74715
		Bumiputera Sabah	200	5.7580	.66878
		Jumlah	1200	5.8790	1.00794
	Kompetensi Emosi	Melayu	334	5.8743	.98990
		Cina	299	5.7840	.85621
		India	167	5.5791	1.13381
		Bumiputera Sarawak	200	5.9971	.54497
		Bumiputera Sabah	200	5.7400	.54172
		Jumlah	1200	5.8088	.86356
	Kompetensi Rohani	Melayu	334	5.9443	1.00564
		Cina	299	5.7706	.89739
		India	167	5.6383	1.18808
		Bumiputera Sarawak	200	5.9400	.71537
		Bumiputera Sabah	200	5.9280	.53615
		Jumlah	1200	5.8550	.90649
Efikasi Kendiri	Efikasi Kendiri	Melayu	334	5.8892	1.06105
		Cina	299	5.5498	1.22755
		India	167	5.7006	1.10745
		Bumiputera Sarawak	200	5.8700	.79363
		Bumiputera Sabah	200	5.7660	.71512
		Jumlah	1200	5.7547	1.03178

Jadual 13 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan aspirasi yang signifikan terhadap idealisme perjuangan berdasarkan faktor etnik.

Jadual 13: Anova Satu Hala: Aspirasi Belia terhadap Idealisme Perjuangan, berdasarkan Etnik

Konstruk	Groups	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Idea Nasional	Between Groups	25.729	4	6.432	7.096	.000
	Within Groups	1083.188	1195	.906		
	Total	1108.916	1199			
Perspektif Agama	Between Groups	136.751	4	34.188	30.423	.000
	Within Groups	1342.868	1195	1.124		
	Total	1479.619	1199			
Perkembangan Kontemporari	Between Groups	71.156	4	17.789	21.200	.000
	Within Groups	1002.715	1195	.839		
	Total	1073.871	1199			
Perjuangan Etnik	Between Groups	124.065	4	31.016	25.535	.000
	Within Groups	1451.509	1195	1.215		
	Total	1575.574	1199			

Data deskriptif (Jadual 14) menunjukkan bahawa belia daripada etnik Melayu lebih cenderung kepada idea perjuangan kontemporari (min=6.0419). Manakala belia etnik Cina (min=5.9537), India (min=5.808), Bumiputera Sarawak (min=5.9533), dan Bumiputera Sabah (min=6.0033) pula cenderung kepada perjuangan nasional.

Jadual 14: Aspirasi Belia terhadap Idealisme Perjuangan, berdasarkan Etnik

Konstruk	Etnik	n	Min	Sisihan Piawai
Idea Nasional	Melayu	334	6.0399	0.85145
	Cina	299	5.9537	1.27625
	India	167	5.5808	1.06716
	Bumiputera Sarawak	200	5.9533	0.65827
	Bumiputera Sabah	200	6.0033	0.63842
	Jumlah	1200	5.934	0.9617
Perspektif Agama	Melayu	334	5.894	0.97372
	Cina	299	5.6963	1.00526
	India	167	5.4299	1.11174
	Bumiputera Sarawak	200	5.334	1.22915
	Bumiputera Sabah	200	4.918	1.05186
	Jumlah	1200	5.5242	1.11088
Perkembangan Kontemporari	Melayu	334	6.0419	0.88235
	Cina	299	5.8676	0.91467
	India	167	5.5545	1.13024
	Bumiputera Sarawak	200	5.656	0.87078
	Bumiputera Sabah	200	5.36	0.81197
	Jumlah	1200	5.7527	0.94638

Perjuangan Etnik	Melayu	334	5.9117	1.1451
	Cina	299	5.7559	1.04801
	India	167	5.4281	1.209
	Bumiputra Sarawak	200	5.615	0.89697
	Bumiputra Sabah	200	4.97	1.19635
	Jumlah	1200	5.5992	1.14633

Analisis Anova Satu Hala (Jadual 15 & 16) menunjukkan terdapat perbezaan aspirasi yang signifikan antara etnik bagi gaya kepimpinan politik.

Jadual 15: Anova Satu Hala: Aspirasi Belia terhadap Gaya Kepimpinan Politik, berdasarkan Etnik

Konstruk	Groups	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Menyokong (<i>Supportive</i>)	Between Groups	45.604	4	11.401	13.152	0.00
	Within Groups	1035.903	1195	0.867		
	Total	1081.507	1199			
Mengarah (<i>Directive</i>)	Between Groups	20.867	4	5.217	6.917	0.00
	Within Groups	901.22	1195	0.754		
	Total	922.086	1199			
Penyertaan (<i>Participative</i>)	Between Groups	50.526	4	12.631	14.926	0.00
	Within Groups	1011.274	1195	0.846		
	Total	1061.8	1199			
Orientasi Pencapaian (<i>Achievement Oriented</i>)	Between Groups	79.403	4	19.851	26.559	0.00
	Within Groups	893.172	1195	0.747		
	Total	972.576	1199			

Jadual 16: Aspirasi Belia terhadap Gaya Kepimpinan Politik, berdasarkan Etnik

Konstruk	Etnik	n	Min	Sisihan Piawai
Menyokong (<i>Supportive</i>)	Melayu	334	6.0443	0.89962
	Cina	299	5.713	1.05203
	India	167	5.4743	1.17062
	Bumiputra Sarawak	200	5.866	0.75929
	Bumiputra Sabah	200	5.988	0.68864
	Jumlah	1200	5.8433	0.94974
Mengarah (<i>Directive</i>)	Melayu	334	5.9311	0.90759
	Cina	299	5.7692	0.8549
	India	167	5.5054	1.14572
	Bumiputra Sarawak	200	5.824	0.65603
	Bumiputra Sabah	200	5.746	0.72838
	Jumlah	1200	5.7828	0.87695
Penyertaan (<i>Participative</i>)	Melayu	334	6.1425	0.87805
	Cina	299	5.788	0.90553
	India	167	5.515	1.19847
	Bumiputra Sarawak	200	5.75	0.88147
	Bumiputra Sabah	200	5.834	0.76719
	Jumlah	1200	5.85	0.94105

Orientasi Pencapaian (<i>Achievement Oriented</i>)	Melayu	334	6.1677	0.77941
	Cina	299	5.8247	0.95217
	India	167	5.5102	1.18599
	Bumiputra Sarawak	200	5.726	0.76751
	Bumiputra Sabah	200	5.492	0.59304
	Jumlah	1200	5.8045	0.90064

Jadual 17 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara etnik terhadap faktor kecenderungan belia dalam pemilihan pemimpin politik.

Jadual 17: Anova Satu Hala: Kecenderungan Belia terhadap Faktor Pemilihan Pemimpin Politik, berdasarkan Etnik

Konstruk	Groups	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Populariti	Between Groups	429.825	4	107.456	53.316	.000
	Within Groups	2408.476	1195	2.015		
	Total	2838.301	1199			
Kepedulian	Between Groups	206.927	4	51.732	43.577	.000
	Within Groups	1418.616	1195	1.187		
	Total	1625.544	1199			
Faktor Sepunya	Between Groups	142.979	4	35.745	17.753	.000
	Within Groups	2406.018	1195	2.013		
	Total	2548.997	1199			

Jadual 18 menunjukkan bahawa kesemua belia daripada etnik Melayu, Cina, India, Bumiputera Sarawak dan Bumiputra Sabah lebih cenderung kepada faktor kepedulian dalam penentuan pemimpin politik.

Jadual 18: Faktor pemilihan Pemimpin Politik, berdasarkan Etnik

Konstruk	Etnik	n	Min	Sisihan Piawai
Populariti	Melayu	334	5.0964	1.40147
	Cina	299	4.9592	1.45032
	India	167	5.0443	1.08203
	Bumiputra Sarawak	200	3.702	1.54568
	Bumiputra Sabah	200	3.842	1.51675
	Jumlah	1200	4.6135	1.53858
Kepedulian	Melayu	334	6.2365	0.90324
	Cina	299	5.7706	1.41827
	India	167	5.8671	1.09228
	Bumiputra Sarawak	200	5.164	1.00306
	Bumiputra Sabah	200	5.212	0.86603
	Jumlah	1200	5.7195	1.16437
Faktor Sepunya	Melayu	334	4.275	1.48588
	Cina	299	4.1032	1.77401
	India	167	4.5115	1.31009
	Bumiputra Sarawak	200	3.84	1.14667
	Bumiputra Sabah	200	3.4143	0.96785
	Jumlah	1200	4.0492	1.45806

Inspirasi Belia terhadap Kepimpinan Politik Berdasarkan Tahap Pendidikan

Analisis Anova Satu Hala digunakan dalam mengenal pasti perbezaan aspirasi belia di Malaysia berdasarkan latar belakang etnik mereka pendidikan belia. Analisis Anova Satu Hala menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap aspirasi belia untuk aspek karakter pemimpin politik bagi kesemua sub-konstruk kecuali sub-konstruk Integriti-Pendirian. Analisis deskriptif berikut memaparkan secara terperinci perbezaan tersebut.

Belia yang memiliki ijazah mencatatkan nilai min yang tertinggi dalam kebanyakan konstruk dan sub-konstruk yang dianalisis. Ini menunjukkan bahawa belia yang berkelulusan ijazah meletakkan prioriti tinggi kepada aspek kredibiliti pemimpin politik.

Jadual 19: Anova Satu Hala - Aspirasi Belia terhadap Karakter Pemimpin Politik, berdasarkan tahap Pendidikan Tertinggi

Constructs	Sub-Constructs	Groups	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Integriti	Perpendirian	Between Groups	3.450	4	.862	1.014	.399
		Within Groups	1015.962	1195	.850		
		Total	1019.411	1199			
	Rendah Hati	Between Groups	22.887	4	5.722	7.455	.000
		Within Groups	917.145	1195	.767		
		Total	940.032	1199			
Berpandangan Jauh	Pemangkin Strategik	Between Groups	23.362	4	5.840	8.062	.000
		Within Groups	865.722	1195	.724		
		Total	889.084	1199			
	Penggerak Minda	Between Groups	11.678	4	2.919	3.681	.005
		Within Groups	947.806	1195	.793		
		Total	959.484	1199			
Inspirasi	Pendorong	Between Groups	25.871	4	6.468	8.748	.000
		Within Groups	883.488	1195	.739		
		Total	909.359	1199			
	Pengaruh	Between Groups	14.663	4	3.666	4.198	.002
		Within Groups	1043.597	1195	.873		
		Total	1058.260	1199			

Kompeten	Orientasi Tugas	Between Groups	17.884	4	4.471	5.733	.000
		Within Groups	931.914	1195	.780		
		Total	949.798	1199			
	Sosioabiliti	Between Groups	20.484	4	5.121	5.110	.000
		Within Groups	1197.627	1195	1.002		
		Total	1218.111	1199			
	Emosi	Between Groups	10.276	4	2.569	3.473	.008
		Within Groups	883.860	1195	.740		
		Total	894.135	1199			
	Rohani	Between Groups	7.441	4	1.860	2.274	.059
		Within Groups	977.809	1195	.818		
		Total	985.250	1199			
Efikasi Kendiri	Efikasi Kendiri	Between Groups	12.901	4	3.225	3.050	.016
		Within Groups	1263.513	1195	1.057		
		Total	1276.414	1199			

Analisis Anova Satu Hala (Jadual 20) menunjukkan terdapat perbezaan aspirasi yang signifikan antara belia berdasarkan latar belakang akademik bagi idealisme perjuangan politik.

Jadual 20: Anova satu Hala - Aspirasi Belia terhadap Idea Perjuangan Politik, berdasarkan Tahap Pendidikan Tertinggi

Constructs	Groups	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Idea Nasional	Between Groups	12.780	4	3.195	3.483	.008
	Within Groups	1096.137	1195	.917		
	Total	1108.916	1199			
Perspektif Agama	Between Groups	54.654	4	13.664	11.458	.000
	Within Groups	1424.965	1195	1.192		
	Total	1479.619	1199			
Perkembangan Kontemporari	Between Groups	43.514	4	10.879	12.617	.000
	Within Groups	1030.357	1195	.862		
	Total	1073.871	1199			
Perjuangan Etnik	Between Groups	68.355	4	17.089	13.549	.000
	Within Groups	1507.219	1195	1.261		
	Total	1575.574	1199			

Data daripada Jadual 21 menunjukkan bahawa hanya belia berkelulusan Master yang cenderung kepada perjuangan berasaskan kegamaan. Majoriti belia daripada pelbagai tahap latar belakang akademik cenderung kepada idea perjuangan nasional.

Jadual 21: Aspirasi Belia terhadap Idea Perjuangan Politik, berdasarkan Tahap Pendidikan Tertinggi

Konstruk	Tahap Pendidikan	N	Min	Sisihan Piawai
Idea Nasional	UPSR/PMR/SPM	323	5.7921	.84169
	STPM/Matrikulasi	353	6.0279	.69638
	Diploma	209	5.8884	.95171
	Ijazah	269	6.0297	1.33261
	Master	46	5.8587	.85633
	Jumlah	1200	5.9340	.96170
Perspektif Agama	UPSR/PMR/SPM	323	5.2241	1.11156
	STPM/Matrikulasi	353	5.4958	1.11794
	Diploma	209	5.7694	1.12173
	Ijazah	269	5.7405	1.02522
	Master	46	5.4696	.98632
	Jumlah	1200	5.5242	1.11088
Perkembangan Kontemporari	UPSR/PMR/SPM	323	5.4601	.89719
	STPM/Matrikulasi	353	5.8986	.81298
	Diploma	209	5.8699	1.10745
	Ijazah	269	5.8602	.93351
	Master	46	5.5261	1.05271
	Jumlah	1200	5.7527	.94638
Perjuangan Etnik	UPSR/PMR/SPM	323	5.2252	1.25255
	STPM/Matrikulasi	353	5.7776	.88476
	Diploma	209	5.7859	1.21461
	Ijazah	269	5.7026	1.15510
	Master	46	5.4022	1.17435
	Jumlah	1200	5.5992	1.14633

Jadual 22 menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara belia berdasarkan latar belakang akademik mereka terhadap gaya kepimpinan politik. Analisis skor min tidak diperlukan kerana kesemua belia daripada pelbagai latar belakang akademik memiliki aspirasi gaya kepimpinan politik yang hampir sama.

Jadual 22: Anova Satu Hala - Aspirasi Belia terhadap Gaya Kepimpinan Politik, berdasarkan Tahap Pendidikan Tertinggi

Constructs	Groups	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Menyokong (<i>Supportive</i>)	Between Groups	8.469	4	2.117	2.358	.052
	Within Groups	1073.038	1195	.898		
	Total	1081.507	1199			
Mengarah (<i>Directive</i>)	Between Groups	3.792	4	.948	1.234	.295
	Within Groups	918.294	1195	.768		
	Total	922.086	1199			
Turut Serta (<i>Participative</i>)	Between Groups	5.995	4	1.499	1.696	.148
	Within Groups	1055.805	1195	.884		
	Total	1061.800	1199			

Orientasi Pencapaian (<i>Achievement Oriented</i>)	Between Groups	3.391	4	.848	1.045	.383
	Within Groups	969.185	1195	.811		
	Total	972.576	1199			

Analisis Anova Satu Hala menunjukkan terdapat perbezaan aspirasi yang signifikan antara belia berdasarkan latar belakang akademik bagi faktor pemilihan pemimpin politik.

Jadual 23: Anova Satu-Hala Kecenderungan terhadap Pemilihan Pemimpin Politik, berdasarkan Tahap Pendidikan Tertinggi

Constructs	Groups	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Populariti	Between Groups	376.007	4	94.002	45.621	.000
	Within Groups	2462.295	1195	2.060		
	Total	2838.301	1199			
Kepedulian	Between Groups	143.427	4	35.857	28.910	.000
	Within Groups	1482.117	1195	1.240		
	Total	1625.544	1199			
Faktor Sepunya	Between Groups	75.449	4	18.862	9.113	.000
	Within Groups	2473.548	1195	2.070		
	Total	2548.997	1199			

Data daripada Jadual 24 menunjukkan bahawa faktor kepedulian pemimpin politik diletakkan sebagai prioriti tinggi bagi semua daripada responden pelbagai kelulusan akademik. Ia diikuti dengan faktor populariti dan faktor sepunya.

Jadual 24: Faktor terhadap Pemilihan Pemimpin Politik, berdasarkan Tahap Pendidikan Tertinggi

Konstruk	Tahap Pendidikan	N	Min	Sisihan Piawai
Populariti	UPSR/PMR/SPM	323	4.9647	1.15618
	STPM/Matrikulasi	353	3.7915	1.64394
	Diploma	209	5.2316	1.41854
	Ijazah	269	4.6885	1.51502
	Master	46	5.2087	1.02064
	Jumlah	1200	4.6135	1.53858
Kepedulian	UPSR/PMR/SPM	323	5.8328	1.01236
	STPM/Matrikulasi	353	5.2669	1.08735
	Diploma	209	6.2813	.79208
	Ijazah	269	5.7160	1.46009
	Master	46	5.8652	.87030
	Jumlah	1200	5.7195	1.16437
Faktor Sepunya	UPSR/PMR/SPM	323	3.8275	1.28781
	STPM/Matrikulasi	353	3.9850	1.23585
	Diploma	209	4.2748	1.47050
	Ijazah	269	4.0505	1.77503
	Master	46	5.0652	1.54735
	Jumlah	1200	4.0492	1.45806

RUMUSAN

Amnya, kajian ini menunjukkan bahawa wujud perbezaan aspirasi belia terhadap integriti (rendah hati) pemimpin. Belia perempuan didapati meletakkan elemen integriti (dari sudut rendah hati) lebih utama berbanding belia lelaki. Elemen karakter pemimpin seperti pemimpin yang berpandangan jauh, menjadi inspirasi dan kompeten (kecuali bagi sub-konstruk sosioboliti) adalah menjadi keutamaan kepada belia perempuan berbanding belia lelaki. Hanya dua elemen dalam sub-kategori karakter pemimpin yang menunjukkan persamaan antara belia lelaki dan perempuan adalah yang berkaitan dengan integriti pemimpin (dari sudut 'pemimpin yang berpendirian') dan kompetensi pemimpin (dari sudut 'sosioboliti').

Hasil kajian terperinci pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara belia daripada bandar dan luar bandar terhadap karakter pemimpin dari segi Integriti (rendah hati), karakter berpandangan jauh dan inspirasi. Belia bandar didapati meletakkan keutamaan yang lebih tinggi kepada persoalan integriti (rendah hati), pemimpin yang berpandangan jauh dan pemimpin yang memberi inspirasi berbanding dengan belia di luar bandar. Majoriti belia bandar juga mengharapkan karakter pemimpin berpandangan jauh, sebaliknya belia luar bandar lebih cenderung kepada kompetensi pemimpin. Kajian ini memberi maklumat tambah kepada kajian lampau oleh Junaidi Awang Besar et al., (2014) yang mendapati bahawa pengundi bandar amat kritis dengan pelbagai isu negara sama ada dalam konteks lokal mahupun antarabangsa.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa wujud perbezaan yang signifikan terhadap aspirasi belia berdasarkan etnik bagi semua konstruk berkaitan kredibiliti pemimpin kecuali bagi sub-konstruk karakter pemimpin yang berpandangan jauh (dari sudut sikap pemimpin sebagai pemangkin strategik) dan kompetensi pemimpin (dari segi sosioboliti). Analisis terperinci berdasarkan etnik menunjukkan bahawa belia Bumiputera Sabah dan Sarawak meletakkan keutamaan yang tinggi kepada integriti pemimpin, manakala belia Melayu pula meletakkan karakter pemimpin yang berpandangan jauh pula sebagai yang paling utama. Belia Melayu turut memberi perhatian kepada karakter pemimpin politik yang berorientasi tugas dan kompeten dari segi rohani. Perbezaan sebegini dilihat adalah satu yang lazim dalam politik kerana latar budaya etnik meletakkan prioriti yang bebeza-beza (Junaidi Awang Besar et al., 2014).

Dari segi latar belakang kelulusan akademik pula, hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap aspirasi belia untuk aspek karakter pemimpin politik bagi kesemua sub-konstruk kecuali sub-konstruk Integriti-Pendirian. Belia yang memiliki ijazah meletakkan prioriti tinggi kepada aspek kredibiliti pemimpin politik. Sebaliknya, belia berkelulusan rendah (UPSR/PMR/SPM) mengutamakan efikasi sendiri pemimpin. Belia berkelulusan STPM/Matrikulasi mengutamakan karakter pemimpin berpandangan jauh, manakala belia berkelulusan Diploma pula mengharapkan pemimpin yang kompeten. Dapatan kajian ini selari dengan pendapat Bolman dan Deal (1997) tentang kepimpinan yang menegaskan bahawa integriti adalah unsur penting dalam kemajuan pergerakan sesebuah organisasi.

Kajian ini menunjukkan bahawa belia perempuan meletakkan keutamaan yang lebih tinggi kepada gaya kepimpinan penyertaan (*participative*), manakala belia lelaki lebih cenderung kepada gaya kepimpinan menyokong (*supportive*). Dari segi lokasi pula, secara amnya belia bandar cenderung kepada gaya kepimpinan politik yang berbentuk penyertaan (*participative*) serta orientasi pencapaian, manakala belia luar bandar pula lebih cenderung kepada gaya kepimpinan menyokong (*supportive*). Belia bandar juga meletakkan lebih keutamaan kepada gaya kepimpinan mengarah dan orientasi pencapaian berbanding belia luar bandar. Aspirasi belia terhadap gaya kepimpinan politik ini wajar diambil perhatian dalam pembangunan masyarakat dan kemajuan belia kerana analisis terhadap gaya kepimpinan menunjukkan bahawa ia mempunyai kaitan rapat dengan komponen kesejahteraan hidup (Voon et al., 2011).

Kajian ini turut menjelaskan kemungkinan wujud hubungan antara variasi sokongan politik (Sarjit et al., 2012) dengan kecenderungan aspirasi yang berbeza berdasarkan latar belakang etnik. Analisis berdasarkan etnik pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan aspirasi yang signifikan antara etnik bagi gaya kepimpinan politik. Belia Melayu dan belia Cina lebih cenderung kepada gaya kepimpinan orientasi pencapaian, manakala belia India pula lebih cenderung kepada gaya kepimpinan turut serta/penyertaan. Dapatan kajian turut memberi maklumat tambahan kepada kajian lampau terhadap penyertaan politik dalam kalangan etnik (Sarjit, Mohd Razali & Ahmad Tarmizi 2014; Sarjit et al., 2012). Walaupun ramai yang tidak membuat deklarasi keahlian parti politik (Sarjit, Mohd Razali dan Ahmad Tarmizi 2014), ia tidak bermakna mereka tidak memiliki aspirasi terhadap kepimpinan politik. Hal ini terbukti menerusi kajian ini yang menunjukkan belia memiliki aspirasi tersendiri. Sementara itu, majoriti belia Bumiputera Sarawak dan Bumiputra Sabah lebih cenderung kepada gaya kepimpinan menyokong. Analisis inferensi terhadap perbezaan latar belakang kelulusan akademik pula menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan. Mereka didapati memiliki aspirasi gaya kepimpinan politik yang hampir sama.

Kajian ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan aspirasi yang signifikan antara jantina bagi kesemua konstruk dalam idealisme perjuangan. Walaupun belia lelaki dan perempuan didapati lebih cenderung kepada idea perjuangan nasional, analisis menunjukkan bahawa belia perempuan meletakkan perjuangan nasional lebih utama jika dibandingkan dengan belia lelaki. Ia menyokong kajian lampau yang mendapati bahawa majoriti belia lebih cenderung kepada perjuangan nasional (Mohd Fuad, Junaidi, Novel & Viknesh 2012). Hal ini mungkin ada perkaitan dengan persepsi bahawa perjuangan nasional memiliki kaitan dengan keazaman untuk mempunyai kerajaan sendiri dalam negara.

Kajian ini menunjukkan kepelbagaian pola aspirasi kepimpinan politik. Ia selari dengan kajian lampau yang mendapati bahawa wujud perbezaan penyertaan berdasarkan lokasi (Kwok Chin Hoe & Haris Abd. Wahab 2013). Dari segi lokasi pula, wujud perbezaan yang signifikan antara belia bandar dan luar bandar terhadap idealisme perjuangan politik berasaskan keagamaan, kontemporari dan perjuangan etnik. Belia bandar didapati meletakkan lebih prioriti kepada idea perjuangan politik berasaskan keagamaan, kontemporari dan perjuangan etnik berbanding belia luar bandar. Secara urutan keutamaan pula, data menunjukkan bahawa belia daripada bandar dan luar bandar mengutamakan perjuangan nasional diikuti dengan perjuangan berasaskan isu kontemporari. Perjuangan yang berteraskan perspektif agama diletakkan sebagai prioriti terakhir. Amat perlu ditekankan bahawa semakin tinggi tahap sokongan politik masyarakat, maka semakin tinggi tahap penglibatan masyarakat dalam aktiviti sama ada dalam usaha membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan pelbagai lagi (Kwok Chin Hoe & Haris Abd. Wahab 2013).

Analisis berdasarkan latar belakang etnik pula menunjukkan bahawa belia Melayu lebih cenderung kepada idea perjuangan kontemporari, manakala belia Cina, India, Bumiputera Sarawak, dan Bumiputera Sabah pula cenderung kepada perjuangan nasional. Kajian ini selari dengan kajian Junaidi, Novel dan Mohd Azlan (2014) terhadap masyarakat Bumiputera di Sarawak yang menggambarkan kepelbagaian bentuk sokongan politik dalam kalangan masyarakat. Dari segi latar belakang kelulusan akademik pula, analisis data menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara belia berdasarkan latar belakang akademik bagi idealisme perjuangan politik. Belia berkelulusan Master lebih cenderung kepada perjuangan berasaskan keagamaan, manakala majoriti belia daripada latar belakang akademik yang lain lebih cenderung kepada idealisme perjuangan nasional. Kajian ini selari dengan kajian lampau yang mendapati bahawa wujud perhubungan antara tahap kelulusan akademik dengan persepsi serta penglibatan politik dalam kalangan pengundi (Berisky & Lenz 2011).

Kajian ini mengukuhkan lagi kajian akademik dalam bidang politik apabila dapatan kajian keseluruhan menunjukkan variasi dalam faktor yang menentukan pemilihan pemimpin politik. Kajian lampau turut mengetengahkan perkara yang hampir sama. Umpamanya Mohd Fuad, Junaidi, Novel

dan Mohd Faidz (2014) telah mengetengahkan wujud pelbagai faktor yang menjadi penentu kepada pemilihan parti politik dalam pilihan raya. Dalam menentukan faktor pemilihan pemimpin, belia mempunyai pelbagai pertimbangan yang amat perlu diteliti. Hal ini kerana ia menentukan barisan kepimpinan politik negara yang dihasratkan belia Malaysia. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa belia lelaki dan perempuan meletakkan elemen kepedulian sebagai keutamaan dalam pemilihan pemimpin politik. Dari segi lokasi pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap faktor pemilihan pemimpin politik antara belia bandar dan luar bandar. Belia bandar cenderung meletakkan faktor kepedulian aspek yang paling penting. Analisis data berdasarkan etnik pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara etnik terhadap faktor kecenderungan belia dalam pemilihan pemimpin politik. Kesemua belia daripada etnik Melayu, Cina, India Bumiputera Sarawak dan Bumiputra Sabah lebih cenderung kepada faktor kepedulian dalam penentuan pemimpin politik. Faktor kepedulian pemimpin politik juga diletakkan sebagai prioriti tinggi bagi belia pelbagai kelulusan akademik. Ia diikuti dengan faktor populariti dan faktor sepunya. Dapatan kajian ini mengukuhkan dapatan kajian lampau tentang kewujudan perbezaan dalam penyertaan politik berdasarkan tahap pendidikan (Bersky & Lenz, 2011).

Amnya, adalah disyorkan agar Program Latihan Kepimpinan Belia secara berterusan untuk belia pelbagai lapisan latar belakang sosio-demografi amat perlu dirangka agar ia menjadi platform untuk membina karakter kepimpinan politik yang profesional demi masa depan negara.

RUJUKAN

- Abdurrahman Haqqi. 2006. Pemimpin berilmu perkasa mampu berkhidmat maksimum. Berita Minggu. 12 November 2006.
- Arendt, H. 1951. The origins of totalitarianism. New York: A Harvest Book
- Awang, M.M., Yousuf, M.I. & Ghani, S.A. 2011. A study of preferred socio-religious activities by Muslim youth. *European Journal of Social Sciences*, 18(4), 596-601.
- Barber, T. 2007. Young people and civic participation: A conceptual review. *Youth and Policy Journal*, 96, 19-39.
- Barber, T., & Naulty, M. 2005. Your place or mine: A research exploring young people's participation in community planning. Dundee: University of Dundee.
- Berinsky, A. & Lenz, G.S. 2011. Education and political participation: Exploring the causal link. *Political Behaviour*, 33, 357-373.
- Bolman, L. G. & Deal, T. E. 1997. Reframing organizations: Artistry, choice and leadership. San Francisco, CA: Jossey-Bass Inc. Publishers.
- Colman, A.M., Norris C.E., Preston, C.C. 1997. Comparing rating scales of different lengths: Equivalence of scores from 5-point and 7-point scales. *Psychological Reports*, 80, 355-362.
- Harris, A. (2008). Next wave cultures – Feminism, subcultures, activism. New York: Routledge.
- Junaidi A. B., Rosmadi F., Amer Saifude G. & Muhammad Hazim A.G. 2014. Persepsi politik dalam Pilihan Raya Umum 2013: Kajian kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9 (2), 135-161.
- Junaidi, A.B. 2009. Persepsi politik pengundi belia Melayu pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 9, 191-214.
- Junaidi A. B, Novel L. & Mohd Azlan, A. 2014. Politik pilihan raya dan partisipasi politik Orang Ulu di Negeri Sarawak. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(5), 135-147.
- Kouzes, J., Posner, B. 1999. Encouraging the heart. San Francisco, CA: Jossey-Bass Inc. Publishers
- Kouzes, J.M. & Posner, B.Z. 2002. The leadership challenge. (Edisi ke-30). San Francisco: Josey-Bass.
- Kouzes, J.M., & Posner, B.Z. 2007. The leadership challenge tantangan masa depan (Alih Bahasa: Anton Adiwiyoto). Jakarta: Interaksara.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610
- Kwok Chin Hoe & Haris Abd.Wahab 2013. Sokongan politik dan penglibatan masyarakat dalam program pembasmian kemiskinan di Sarawak. *GEOGRAFIA, Malaysia Journal of Society and Space*, 9(1), 79 – 86.

Magstadt, T.M. 2010. Understanding politics: ideas, institutions, and issues. Belmont: Wadsworth. p.307.

Mansor, M.N. 2012. Kerencaman sosial dan penipisan batas etnik. Siri Syarahan Perdana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Fuad M.J., Junaidi A.B., Abdul Halim S. & Noor Aziah M.A. 2011. Persepsi politik belia di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan. *Geografia Malaysia Journal of Society and Space*, 7 Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development, (105-115).

Mohd Fuad M.J., Junaidi A.B., Novel L. & Mohd Faidz M. Z. 2014. 'Realignment' pengundi Cina dalam PRU ke-13, 2013. *GEOGRAFIA Malaysia Journal of Society and Space*, 10, 54 – 64.

Mohd Fuad M.J., Junaidi A.B., Novel L. & Viknesh R. 2012. Persepsi politik belia India di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. *Geografia Malaysia Journal of Society and Space*, issue 8 (1 - 11), 1, Themed Issue on The Environment and Society in the Malaysian-Indonesian Development Experience: Issues and Challenges.

Mohd Fuad, M.J., Ahmad tarmizi T., Mohd Razali, H. & Mohd Roslan, R. 2009. Minat, aspirasi dan sokongan politik belia IPT Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 1, 99-116.

Mohd Fuad, M.J., Junaidi, A.B., Novel, L. & Viknesh, R. 2012. Persepsi politik belia India di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*, 8(8), 1-11.

Mujibu, A.M, Zaliha, H. & Badrul Azmier, M. 2010. Political managements and policies in Malaysia. *Proceeding of Seminar on National Resilience*, Universiti Utara Malaysia (13 July 2010), 411-442.

Ramet, S.P. 1994. Democratic values and the construction of democracy: The case of Eastern Europe. In Tadayushi Hara (ed.), *Slavic Eurasia in Transition: Multiple analyses*. Sapporo: Slavic Research Center, Hokkaido University, 33-39.

Sarjit S. Gill, Ahmad Tarmizi Talib, Mohd Razali Harun & Mohd Roslan Rosnon 2012. Penglibatan dan pemilihan pemimpin politik dalam kalangan belia minoriti di Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 6, 43-62.

Sarjit S. Gill, Mohd Razali, H. & Ahmad Tarmizi T. 2014. Komuniti minoriti dan pembentukan landskap politik lokal: Penglibatan politik belia Siam di Semenanjung Malaysia. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*, 10, 95-103.

Tummers, L. & Knies, E. 2014. The public leadership questionnaire: The development and validation of five dimensions of public leadership behaviors. IRSPM Conference Ottawa, Canada 9-11 April 2014 <http://www.lipse.org/userfiles/uploads/IRSPM%20Tummers%20Knies%20-%20The%20public%20leadership%20questionnaire%20FINAL.pdf>

Tummers, L.G., & Knies, E. 2013. Leadership and meaningful work in the public sector. *Public Administration Review*, 73(6), 859-868.

Vagias, W.M. 2006. Likert-type scale response anchors. Clemson International Institute for Tourism & Research Development, Department of Parks, Recreation and Tourism Management. Clemson University.

Voon, M. L., Lo, M. C., Ngui, K. S., & Ayob, N. B. 2011. The influence of leadership styles on employees' job satisfaction in public sector organizations in Malaysia. *International Journal of Business, Management and Social Science*, 2(1), 24-32.